

Bendera Najib: Pemuda Umno kecam, tuntutan siasatan dan permohonan maaf
The Malaysian Insider
18 Disember, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 18 Dis – Pemuda Umno pusat mengecam dengan keras tindakan, disifatkan biadap dan melampau, peserta demonstrasi yang membantah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) petang semalam, dilaporkan menurunkan bendera memaparkan gambar Datuk Seri Najib Razak dan menggantikannya dengan bendera himpunan mereka.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan petang ini, Pemuda Umno menggesa agar siasatan dilakukan dan pada masa yang sama mendesak pihak penganjur, yang terdiri daripada Solidariti Mahasiswa Malaysia dan Gerakan Menuntut Kebebasan Akademik (Bebas), memohon maaf kepada Najib, presiden parti, dan Umno keseluruhannya.

Pergerakan itu juga berkata, tindakan sedemikian memaparkan kumpulan tersebut, langsung tidak matang dan bertanggungjawab malahan mencabul etika dan adab ketika mengunjungi mana-mana tempat.

“Bagi Pemuda Umno, kami konsisten dalam memperjuangkan hak dan kebebasan mahasiswa dengan seruan agar pindaan dilakukan ke atas AUKU bagi memberikan peluang dan pengiktirafan kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam politik.

“Namun dalam kita merai serta menyamarakkan semangat keterbukaan dan penyertaan ini, jangan pula ada yang mencemar mahupun memperlekehkannya dengan perlakuan yang tidak mencerminkan tindakan dan pertimbangan yang matang,” tambah Pemuda Umno.

Bahkan, katanya, perlakuan sedemikian tidak sepatutnya ditonjolkan oleh golongan mahasiswa yang mahukan peranan dan suara mereka sebagai golongan cendekiawan diiktiraf dan diwakili dalam masyarakat.

Pemuda Umno juga menyeru agar mahasiswa tampil dengan perjuangan yang rasional dan beradab jika ingin bergiat di dalam politik.

“Perjuangan ini hendaklah berpaksikan kepada kebijaksanaan, penilaian yang rasional serta kematangan terutama sekali dalam menghormati perbezaan pendapat.

“Janganlah kita begitu mudah terjebak dengan ledakan emosi mahupun terpaut dengan aksi yang tidak mencerminkan ketajaman pemikiran dan idealisme orang muda di kalangan mahasiswa,” katanya lagi.

Terdahulu, Bebas berkata ia tiada masalah untuk memohon maaf berhubung insiden menurun dan menaikkan semula bendera Najib di pekarangan ibu pejabat Umno petang semalam.

Bagaimanapun ketua Bebas menegaskan, pihaknya tidak melakukan apa-apa kesalahan besar sebagaimana didakwa oleh sesetengah pihak termasuk kononnya menghina Najib.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bendera-najib-pemuda-umno-k-ecam-tuntut-siasatan-dan-permohonan-maaf/>